

02/06/2002

Ku Deen - Tiada peluang berehat

Zulkifli Md Ali; Jamudin Idris; Habsah Dinin

SEMUA anaknya berkelulusan luar negara, tetapi tidak seorang pun yang menyertai dunia politik seperti ayah mereka, Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail, yang pernah menjawat beberapa jawatan menteri termasuk Menteri Luar, Menteri Pertahanan dan Menteri Penerangan.

Ketokohan beliau dalam bidang politik, perniagaan, hal ehwal antarabangsa, sukan dan badan sukarela nampaknya sukar digapai anak-anaknya. Masing-masing, walaupun terbabit dalam perniagaan, berbeza dengan kecenderungan Tengku Rithauddeen yang mesra dengan panggilan Ku Deen.

Anak sulungnya, Tengku Farah Lucia, 42, berkelulusan ekonomi dari Carlton University, Kanada membabitkan diri dalam agensi pelancongan.

Tengku Feizalludin, 40, berkelulusan farmasi dari Massachuset College of Pharmacy (MCP), Amerika Syarikat, bergiat dalam bidang yang dipelajari, manakala Tengku Puteri Falida, 35, berkelulusan ekonomi dari Carlton University bertugas dalam syarikat sekuriti Bumiputera.

Lain pula dengan Tengku Farith, 31, walaupun terbabit dalam dunia Teknologi Maklumat (IT) pernah menjadi Bendahari Pemuda Umno bahagian Kota Bharu, tetapi kembali kepada dunia IT, mungkin setelah melihat situasi politik di Kelantan.

Selain itu, beliau dipilih antara 28 usahawan muda di dunia menyertai forum ekonomi dunia awal tahun ini di New York yang turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anak bujang Ku Deen, Tengku Fadli, 27, yang berkelulusan pengurusan produk dari Nottingham University membuka kafeteria di kampus cawangan Nottingham University In Malaysia (NUIM) di Jalan Conlay, Kuala Lumpur.

Sebelum dianugerahkan anak sulung selepas berkahwin selama tiga tahun, beliau yang juga bekas Menteri Pertahanan dan Menteri Penerangan mengambil seorang anak angkat, Tini Supardi Mahmud yang kini berusia dalam lingkungan 40-an.

Mengenai anaknya yang tidak mengikut jejak langkah dalam perniagaan, Ku Deen berkata, walaupun beliau menjadi pengerusi kepada tiga syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), anaknya langsung tidak terbabit dengan perniagaan itu.

Tiga syarikat itu ialah Road Builder (M) Holdings Bhd, Kinta Kellas Plc dan Oriental Holdings.

Bagaimanapun, beliau berkata, anaknya menjadi pemegang saham dan ahli lembaga pengarah kepada syarikat induk milik keluarga, IRAT Holdings Sdn Bhd (IRAT nama terbalikkan Ismail Rithauddeen Ahmad Tengku) yang memiliki beberapa syarikat seperti Tok Bali Dockyard & Engineering Sdn Bhd.

"Saya tanya anakanda sama ada hendak mengikut jejak langkah saya, tetapi mereka kata hendak tumpukan kepada perniagaan sendiri. Saya ingatkan mereka saingan dalam perniagaan kini hebat juga," katanya.

Oleh itu, beliau serahkan tanggungjawab menguruskan soal perniagaan dan kepentingannya kepada anak saudaranya, Tengku Kamarul Bahrin Tengku Kamarulzaman serta menantunya (suami Tengku Farah Lucia), Ali Shahril Roose.

Ku Deen berkata, beliau menyangka dapat berehat selepas tidak lagi menjadi menteri Kabinet, walaupun 12 tahun berlalu, keadaan sama saja sesuai dengan keadaan usianya kini. "Sibuk tidaklah seperti jadi menteri tetapi tidak ada peluang untuk berehat sedikit pun," katanya.

Tengku Ahmad Rithauddeen adalah cucu Sultan Pattani terakhir, Tengku Abdul Kadir Kamarudin yang berkahwin dengan sepupunya, Puan Sri Tengku

Noor Aini Tengku Ahmad Zainal Abidin.

Berbual lebih panjang mengenai susur galur kerabat Ku Deen, beliau adalah bapa saudara kepada Yang di-Pertuan Agong sekarang kerana bonda baginda, Raja Perempuan Besar Perlis, Tengku Budriah adalah kakak beliau.

Perkara menarik sepanjang temu bual penulis dengan Ku Deen ialah cara beliau memanggil ahli keluarga seperti berada dalam istana, dengan pertuturan adab diraja. Jika menceritakan mengenai bapa, pastinya tidak terlepas beliau membahaskan 'ayahanda' begitu juga dengan emak dipanggil 'bonda'. Apabila bercerita mengenai anak pula pastinya dengan cara lembut beliau menyebut 'anakanda saya' dan seterusnya seperti 'ninda saya'.

Mengenai politik, Ku Deen berkata: "Cukuplah berpolitik. Walaupun saya tidak lagi aktif berpolitik, saya masih mengikuti perkembangan sebab orang politik ni tak mati, dia cuma hilang begitu saja."

Mengenai panduan hidup berjaya, Ku Deen berkata, beliau selalu teringat pepatah Jepun sejak sekolah rendah lagi iaitu 'seshing, arunarabat, natigoto narazaran' bermaksud, 'jika kita ada semangat, apa yang kita buat kita akan berjaya'.

Bagi Tengku Farith pula, walaupun membesar dalam keluarga politik, minatnya tidak menjurus ke arah itu. Kehidupan yang agak mewah ketika zaman remaja tidak membuatkan beliau lupa diri. Kedua-dua orang tuanya banyak memainkan peranan mempengaruhi gaya pemikiran dan cara hidupnya hingga kini.

"Saya datang dari keluarga Kelantan yang tradisional yang mana ibu mempunyai pengaruh besar terhadap perkembangan minda anak-anak. Emak saya seorang yang sangat gemar berniaga, manakala bapa pula mempunyai pemikiran yang bijak dan kreatif.

"Kami dibesarkan dalam etika yang standard. Buat perkara yang betul dan wang bukan boleh membeli segala-galanya. Itu pesan keluarga," jelas Tengku Farith, seorang anak muda berwawasan dan terpilih menerima anugerah Pemimpin Global Masa Depan (GLT) bagi tahun 2002, sempena Forum Ekonomi Dunia yang berlangsung di New York, Februari lalu. Forum itu disertai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

GLT diberikan kepada anak muda berwawasan tinggi terutama dalam bidang berkaitan teknologi dan ia bukan anugerah sembarangan. Beliau penerima tunggal dari Malaysia bagi tahun ini.

GLT adalah anugerah berprestij dan diberikan kepada tokoh yang berwawasan. Antara bekas penerimanya ialah Bill Gates dan Tony Blair. Antara penerima tahun ini pula anak pemilik media terkemuka dunia, Rupert Murdoch iaitu James Murdoch dan anak lelaki bekas Presiden Singapura Lee Kuan Yew, Lee Hsien Loong.

Kriteria pemilihan calon GLT adalah Netpreneurs (Internet Entrepreneurs) yang berumur antara 18 hingga 37 tahun yang memegang jawatan penting dan berpengaruh dalam syarikat ICT, mempunyai idea dan prasarana dalam menentukan arah tuju masa depan syarikat, masyarakat, dan dunia global.

Tengku Farith sendiri menyifatkan pemilihannya itu adalah pengiktirafan kepada negara dan bersyukur kerana sebagai anak Malaysia, berjaya menerokai bidang ini dan membuktikan orang Islam boleh maju dalam bidang ICT.

"Saya berbangga kerana dunia kini memberi perhatian kepada negara kecil seperti Malaysia dan mengiktiraf pemimpin kita yang berani dan lantang menyuarakan hak dan pendapatnya di mana-mana juga forum antarabangsa.

"Sebab itulah saya juga mempergunakan sidang GLT itu sebagai medan menyuarakan suara hati saya sebagai seorang Netpreneur Muslim bagi mencelikkan pemikiran khususnya masyarakat Islam di Timur Tengah, mengenainya pentingnya kita menerajui bidang berteknologi tinggi dan bersatu hati dalam menentang apa juga bentuk keganasan dan memberi sumbangan kepada negara Islam yang dihimpit peperangan," katanya ketika

ditemui di pejabatnya di Serdang.

Disebabkan cenderung pada bidang ICT, beliau kini menjadi penasihat kepada Dewan Muda, yang digerakkan oleh Dewan Perniagaan Melayu bagi menambah bilangan anak muda menyertai ICT.

Tengku Farith berkata, baginya pengalaman bukan mudah dipelajari dan boleh divedok daripada buku-buku, tetapi daripada pengalaman hidup yang pernah dilalui oleh mereka yang berjaya.

Beliau tidak nafikan dunia korporat di Malaysia masih bersifat 'know-who', khususnya peluang perniagaan dan kontrak besar. Contohnya ketika syarikatnya, Skali, bergabung dengan Mayban Ventures, orang luar mengatakan ini disebabkan oleh pengaruh politik dan hubungan keluarga.

"Tetapi Skali memang mempunyai kepakaran dalam industri IT dan pemilihan Skali untuk pelaburan ini memang tepat. Mengapa mesti mereka mengeluarkan sejumlah besar wang jika syarikat itu tidak boleh dipercayai?" katanya.

Bagi Tengku Farith, bidang IT dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) amat penting pada alaf baru ini.

Tengku Farith, anak kelima daripada enam beradik, kini memimpin Skali, syarikat netpreneur yang mempunyai rangkaian usaha sama secara maya (virtual) di lebih 60 negara di seluruh dunia.

Skali menyediakan modul pelbagai guna termasuklah menerima maklumat daripada sumber di seluruh dunia, menyokong pelbagai format kandungan, perkhidmatan, panduan serta pusat carian. Selain pusat perkhidmatan e-dagang bagi mencipta penyimpanan dan laluan yang boleh dihubungkan dengan institusi kewangan.

Skali ditunjangi empat bahagian penting iaitu Skali.com, Skali System, Skali Solutions, Snap (Program Pengembangan Netpreneur Skali) dan Skali Support yang mana setiap bahagian memainkan peranan yang berbeza. Sistem data Skali beroperasi 24 jam sehari dan tujuh hari seminggu tanpa henti.

Beliau mempunyai wawasan tinggi mengenai ICT dan bersama rakan kongsinya membawa kejayaan besar kepada syarikatnya.

Walaupun sibuk dengan tugas di ibu negara, Tengku Farith biasanya akan pulang ke Kelantan sebulan sekali kerana masih ada perniagaan keluarga seperti ladang getah dan sawit di Kuala Krai dan turut menghadiri mesyuarat Koperasi Sri Nilam milik keluarga mereka.

"Tapi, yang penting saya balik kerana hendak makan nasi dagang!" katanya.